



Leadership Management

Elixir Leadership Mgmt. 47 (2012) 8924-8933

Elixir
ISSN: 2229-712X

Tinjauan Ke Atas Kesediaan Menguruskan Geran Per Kapita Mata Pelajaran Dalam Kalangan Tenaga Pengajar Aliran Vokasional Di Smv Negeri Kelantan

Dzurawati Harun, Mohd Farid Hassan and Mohd Yusri Ismail
Fakulti Pendidikan Teknikal, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

ARTICLE INFO

Article history:

Received: 25 January 2012;

Received in revised form:

25 May 2012;

Accepted: 14 June 2012;

Keywords

Jenis tahap pengetahuan,
Tahap kebolehan,
Bantuan Geran Per Kapita,
Guru-guru MPAV.

ABSTRACT

Bantuan Geran Per Kapita merupakan bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada setiap pelajar warganegara Malaysia yang bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Kajian ini bertujuan untuk menentukan kebolehan dan mengenalpasti jenis pengetahuan dalam menguruskan Geran Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan guru-guru MPAV di SMV Negeri Kelantan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dan menggunakan teknik persampelan bertujuan untuk mencapai objektif kajian. Pengumpulan data yang digunakan adalah dengan mengedarkan borang soal selidik yang merupakan instrumen dalam kajian ini. Sampel kajian ini melibatkan 54 orang guru di empat buah sekolah aliran vokasional. Sekolah yang terlibat dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Vokasional Tanah Merah, Sekolah Menengah Vokasional Pasir Mas, Sekolah Menengah Vokasional Pengkalan Chepa dan Sekolah Menengah Vokasional Kuala Krai. Data dan dapatan kajian dianalisis secara statistik deskriptif dengan menggunakan perisian 'Statistical Package For Social Sciences' SPSS versi 16.0 untuk mendapatkan nilai skor min dan nilai peratusan. Hasil kajian menunjukkan kebolehan guru dalam menguruskan geran per kapita MPAV berada pada tahap tinggi dengan skor min 3.82. Manakala pengetahuan berkaitan pembayaran dalam menguruskan geran per kapita menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 4.28 berbanding perolehan dan pelupusan. Bagi analisis data dalam kajian hubungan tahap pengetahuan dengan tahap kebolehan menunjukkan perkaitan yang rendah dimana ($r = -0.11$). Perkaitan yang diuraikan adalah tidak signifikan kerana $p > 0.05$ ($p = 0.40$) maka H_0 tidak boleh ditolak iaitu terdapat perkaitan statistik yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kebolehan dalam menguruskan Geran Per Kapita MPAV. Seterusnya kajian ini menyarankan bahawa kursus-kursus dalam perkhidmatan dapat menambahbaik kebolehan dan pengetahuan guru-guru dalam menguruskan geran per kapita MPAV.

© 2012 Elixir All rights reserved.

Introduction

Pengenalan

Dalam usaha untuk menangani masalah pengeluaran tenaga mahir negara yang tidak selari dengan kehendak industri, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah melakukan penambahbaikan dalam sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) pada peringkat sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Sebagai contoh, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-8 (RMK-8) dan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK-9) antara tahun 2001 hingga tahun 2010, jumlah 69 buah sekolah menengah vokasional dengan enrolmen pelajar seramai 17,639 pada tahun 1990, telah meningkat kepada 90 buah sekolah menengah vokasional (SMV) dengan enrolmen pelajar pada tahun 2010 mencapai 37,316 (Jamil & Norlia, 2010). Serentak itu bagi menambahbaik sistem penyampaian mata pelajaran PTV, kerajaan telah memperkenalkan mata pelajaran vokasional (MPV) dan mata pelajaran aliran vokasional (MPAV) pada tahun 2005 (Yahya Emat, 2005). Langkah memperkenalkan MPV dan MPAV adalah bertujuan menyediakan tenaga mahir negara yang berpengetahuan (K-Pekerja) melalui kaedah penyampaian pendidikan lebih komprehensif dan terkini yang memenuhi kehendak industri semasa (Abdul Rahman, 2002).

Sehingga tahun 2010, terdapat 37 elektif MPAV di 90 buah SMV diseluruh negara menurut Laporan Kementerian Pelajaran Malaysia (Anuar, 2001). Menurut Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran Malaysia (2010), perbezaan utama mata pelajaran MPAV dan MPV yang baru diperkenalkan adalah dari segi penekanan kepada pengalaman amali yang berkaitan dengan bidang pekerjaan. Sebagai contoh, nisbah komponen amali dalam MPV dan MPAV adalah 55 peratus teori dan 45 peratus amali (Jamil & Norlia, 2010).

Menurut Finch dan Crunkilton (1999), PTV adalah unik dan berbeza dari kurikulum pendidikan umum dari aspek orientasi, justifikasi, fokus, piawaian industri, logistik dan bersifat responsif kepada kehendak industri. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Tajuddin (2005), yang mengatakan bahawa PTV bertanggungjawab kepada membangunkan kesejahteraan individu dari aspek produktiviti untuk kemakmuran negara melalui membuka lebih peluang dan pilihan termasuk motivasi kepada individu untuk menyumbang kepada pembangunan sosial dan ekonomi negara. PTV membabitkan kos yang lebih tinggi berbanding pendidikan umum kerana turut memerlukan logistik dan kelengkapan lebih kompleks supaya dapat memberikan pendidikan dan pengalaman melalui aktiviti yang

berkaitan dengan tujuan menyediakan pelajar kepada dunia pekerjaan. Dengan demikian PTV lazimnya menerima peruntukan lebih tinggi dari mata-mata pelajaran lain dalam sistem persekolahan. Dalam sistem persekolahan di Malaysia, kesemua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan menerima wang pemberian dan bantuan dari kerajaan dalam bentuk peruntukan khas bagi mata pelajaran yang juga disebut sebagai Pemberian Bantuan Per Kapita (*Per Capita Grant*) (PCG) (Bahagian Kewangan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). PCG adalah segala peruntukan atau bantuan kerajaan sama ada dalam bentuk kewangan atau inventori yang diperuntukan dan diagihkan kepada sekolah untuk menampung keperluan pengajaran dan pembelajaran. Sebagai contoh, PCG bagi mata pelajaran MPV dan MPAV telah diperuntukan RM 200.00 bagi setiap pelajar setahun (Abdul Rahman, 2002). PCG ini adalah diperuntukan untuk pembelian, penyenggaraan peralatan dan peralatan kecil dan bahan habis guna, perbelanjaan program mata pelajaran yang diperuntukkan (Bahagian Kewangan Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Keberhasilan program pendidikan dan latihan di SMV amat bergantung kepada kecekapan penggunaan sumber wang PCG ini.

Pekeliling dari Kementerian Pendidikan, bertarikh 1 Julai 1999 yang dikeluarkan oleh Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Malaysia, melaporkan antara teguran utama yang kerap dikeluarkan kepada sekolah-sekolah berkaitan dengan kelemahan pengurusan kewangan PCG adalah salahtadbir kewangan seperti berikut;

- ❖Wang Belum di Bank.
- ❖Akaun Belum Bayar
- ❖Pungutan Tanpa Mengeluarkan Resit
- ❖Baucer Bayaran Tanpa Dokumen Sokongan
- ❖Perbelanjaan Tanpa Kebenaran
- ❖Pembelian Melebihi Had
- ❖Peruntukan Tidak dibelanjakan
- ❖Buku Daftar Kedatangan Murid Tidak Kemaskini
- ❖Lebih Bayaran Gaji dan Elaun

Kelemahan yang berpunca dari salah tadbir urus sumber wang PCG matapelajaran akibat dari kelemahan menguruskan kewangan PCG mata pelajaran telah menyebabkan persediaan kemudahan pembelajaran seperti bahan dan alat bantuan mengajar, perkakasan makmal yang berkaitan dengan aktiviti 'hands-on' pelajar tidak dapat mencapai sasaran penggunaan. Akibatnya adalah kemerosotan pencapaian, minat dan juga kecirikan pelajar dari sistem persekolahan (Abd Rahim, 2005).

Mengikut Finch dan Crunkilton (1999), tenaga pengajar PTV perlu memiliki pengalaman pekerjaan selain dari mengajar. Pengalaman pekerjaan yang dimaksudkan termasuklah kebolehan merancang, mengurus dan melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran PTV secara teori dan amali mengikut perspektif yang diperlukan oleh dunia pekerjaan (Jamal & Norlia, 2010). Bagaimanapun menurut Jamal dan Norlia (2010) lagi, lebih ramai guru berkemahiran dalam aspek pedagogi dan pengetahuan teori tetapi amat sedikit pendedahan dan pengetahuan dalam menguruskan perancangan mata pelajaran sehingga ke peringkat paling asas iaitu menguruskan peruntukan PCG yang diterima oleh pihak sekolah setiap tahun. Pendapat beliau disokong oleh Zamri, Norasmah dan Mohammed Sani (2007), yang melaporkan bahawa program latihan perguruan Malaysia lebih tertumpu kepada aspek pedagogi atau penyampaian pengajaran dan pembelajaran semata-mata dan tidak menitik beratkan aspek pengetahuan dan kemahiran dalam menguruskan kewangan dan peruntukan mata

pelajaran, perancangan inventori dan kelengkapan dan aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Dapatan oleh Abdul Rahman (2002), juga menunjukkan bahawa ketrampilan guru-guru novis adalah terhad kepada aspek penguasaan isi dan pedagogi penyampaian dalam bilik darjah. Dapatan beliau disokong oleh Oмарdin (1999), yang mendapati hampir 90 peratus guru-guru novis iaitu guru yang berkhidmat kurang dari 5 tahun, tidak pernah diajar perkara berkaitan dengan pengurusan geran mata pelajaran atau Bantuan Per Kapita (PCG).

Berdasarkan dari dapatan pengkaji terdahulu seperti di atas, maka justifikasi bagi kajian ini menunjukkan bahawa wang PCG adalah tertakluk kepada peruntukan yang terdapat dalam Peraturan-peraturan Pendidikan (Akaun dan Audit) 2002 di bawah Akta Pendidikan 1996 dan Tatacara Penyelenggaraan Harta serta Tatacara Kewangan yang sedang berkuatkuasa dalam sistem PTV di sekolah Shahril, (2005). Dengan demikian, tenaga pengajar PTV perlu juga menguasai pengetahuan mengurus sumber kewangan PCG dengan baik selain dari kebolehan mengajar dan menguruskan kelas.

Penyataan Masalah

Kurikulum latihan perguruan PTV pada masa kini mengikut Abdullah Sani (2003), terlalu memfokus kepada ilmu pengetahuan pedagogi dan *subject matter* yang bakal diajar. Sebagai contoh, skop program pendidikan guru di Institusi Pendidikan Guru (IPG) seperti Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PISMP) dan Program Pensiswazahan Guru Sekolah Rendah (PGSR) telah tertumpu kepada pembinaan insan guru, pengetahuan pengajaran berkaitan opsyen, ko-kurikulum dan kepimpinan. Elemen pengetahuan berkaitan dengan pengurusan kewangan PCG, kepatuhan kepada undang-undang OSHA, perundingan latihan industri tidak dimasukkan (Rashidi, 2008).

Begitu juga bidang yang dinilai semasa Latihan Mengajar hanyalah dari segi penyediaan Buku Rancangan Mengajar dan persembahan mengajar dan juga alat bahan bantuan mengajar (ABBM). Tinjauan awal menerusi rujukan mana-mana dokumen dalam sistem latihan pendidikan guru di Malaysia, tidak menjumpai dokumen berkaitan dengan pengurusan PCG mata pelajaran. Pengurusan PCG mata pelajaran mengikut penyelidik adalah seperti perancangan pembelian, pemeriksaan stok dan inventori bengkel, perancangan pembelian peralatan, susutnilai, pelupusan dan sebagainya yang perlu dalam menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (Anuar, 2001). Tujuan kajian ini adalah untuk menentukan tahap kesediaan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional (MPAV) di sekolah menengah vokasional Negeri Kelantan. Antara persoalan-persoalan kajian adalah seperti berikut:

- ❖Apakah tahap kebolehan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional di Negeri Kelantan?
- ❖Apakah jenis-jenis tahap pengetahuan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional di Negeri Kelantan?
- ❖Adakah wujud hubungan antara jenis-jenis tahap pengetahuan dan tahap kebolehan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional di Negeri Kelantan?

❖ Apakah maklumbalas mengenai tatacara menambahbaik tahap kesediaan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional di Negeri Kelantan?

Bantuan Geran Per Kapita (PCG)

Bantuan Geran Per Kapita (PCG) merupakan bantuan kewangan yang diperuntukkan kepada setiap murid warganegara Malaysia yang bersekolah di Sekolah Kerajaan atau Sekolah Bantuan Kerajaan. Sebelum ini, terdapat enam Surat Pekeliling Kewangan (SPK) berkaitan bantuan PCG yang berkuat kuasa. Lima daripadanya merupakan pindaan dan tambahan kepada SPK yang utama iaitu SPK Bilangan 5 Tahun 2002. Sehubungan itu, garis panduan ini telah menyatukan semua peraturan dan arahan yang terdapat dalam keenam-enam SPK tersebut menjadi lebih kemas dan teratur. Mulai tahun 2009, bantuan PCG bagi beberapa mata pelajaran baru telah diperkenalkan berikutan penubuhan Sekolah Seni Malaysia dan kadar baru bagi PCG Aliran Kemahiran di Sekolah Menengah Teknik/Vokasional. Garis panduan ini juga turut memaklumkan perubahan kepada maksud perbelanjaan bagi komponen Lain-lain Perbelanjaan Berulang Tahun/Perbelanjaan Khas (LPBT/LPK) Sekolah dan Asrama (Surat Pekeliling Bilangan 8 Bagi Tahun 2010)

Populasi dan Sampel

Populasi kajian ini adalah terdiri daripada tenaga pengajar yang mengajar MPAV iaitu bagi mata pelajaran Binaan Bangunan, Automotif, Kimpalan, Fabrikasi Logam, Amalan Bengkel Mesin, Elektrik dan Elektronik dan Penyejukan dan Penyamanan Udara di SMV seluruh Negeri Kelantan. Seramai 54 sampel telah dipilih secara sampel bertujuan untuk kajian ini. Seratus peratus persampelan penuh. Sampel yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada tenaga pengajar yang menguruskan Bantuan Geran Per Kapita (PCG) mata pelajaran.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah borang soal selidik. Soal selidik telah digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai tahap pengetahuan dan tahap kesediaan tenaga pengajar dalam menguruskan peruntukkan kerajaan bagi mata pelajaran yang diajar. Nilai kebolehpercayaan berdasarkan Alpha Cronbach bagi borang soal selidik adalah $r = 0.78$.

Dapatan Kajian

Hasi dapatan dianalisis mengikut persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Apakah Tahap Pengetahuan Dalam Menguruskan Bantuan Geran Per Kapita Mata Pelajaran Dalam Kalangan Tenaga Pengajar MPAV di SMV Negeri Kelantan?

Jadual 1 menunjukkan tahap pengetahuan responden mengenai pengurusan kewangan bagi MPAV yang berkaitan perolehan. Merujuk kepada Jadual 4.7, dapatan kajian menunjukkan purata skor min perolehan berada pada tahap tinggi iaitu 3.81. Pada item 5 hingga 7 tahap skor min berada pada tahap sederhana iaitu 3.02, 3.09 dan 2.96. Manakala skor min yang paling tinggi daripada dapatan iaitu 4.48 adalah pada item 1 dan 10.

Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Pembayaran

Analisa dapatan daripada Jadual 2 menunjukkan tahap pengetahuan responden menguruskan bantuan kewangan yang berkaitan pembayaran. Purata skor min pembayaran berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.28. Kesemua item yang berkaitan pembayaran mencatat skor min yang tinggi.

Secara keseluruhan item berkaitan pembayaran, berada pada tahap tinggi dan sangat memuaskan.

Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Pelupusan

Berdasarkan analisa dapatan Jadual 3 menunjukkan tahap pengetahuan responden menguruskan bantuan kewangan yang berkaitan pelupusan. Purata keseluruhan skor min berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 4.13. Kesemua 4 item yang dikemukakan kepada responden berkaitan pelupusan, nilai skor min berada pada tahap tinggi.

Apakah Tahap Kesediaan Dalam Menguruskan Bantuan Geran Per Kapita Mata Pelajaran Dalam Kalangan Tenaga Pengajar MPAV di SMV Negeri Kelantan?

Jadual 5 menunjukkan skor min bagi tahap kesediaan tenaga pengajar dalam menguruskan bantuan per kapita bagi mata pelajaran yang diajar berkaitan perolehan. Berdasarkan Jadual 4.10, dapatan kajian menunjukkan tahap kesediaan tenaga pengajar menguruskan perolehan secara keseluruhannya adalah skor min 3.73 di tahap yang tinggi.

Tahap Kebolehan Responden Berkaitan Pembayaran

Jadual 6 menunjukkan skor min bagi tahap penglibatan tenaga pengajar MPAV dalam menguruskan prosedur pembayaran. Dapatan kajian menunjukkan tahap penglibatan tenaga pengajar dalam aspek ini secara keseluruhannya adalah tinggi berdasarkan purata skor min pembayaran 3.69 yang ditunjukkan.

Tahap Kesediaan Responden Berkaitan Mengurus Setor Sekolah

Jadual 7 menunjukkan skor min bagi tahap penglibatan tenaga pengajar dalam menguruskan setor sekolah dan peralatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi MPAV. Dapatan kajian menunjukkan penglibatan tenaga pengajar dalam aspek ini secara keseluruhannya adalah pada tahap tinggi berdasarkan purata skor min pembayaran 4.04 yang ditunjukkan.

Adakah wujud hubungan antara tahap pengetahuan sedia ada dan tahap kesediaan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional di Negeri Kelantan?

Berdasarkan Jadual 9, dapat dilihat bahawa dapatan daripada hasil analisis yang dilakukan menggunakan kaedah korelasi Spearman's Rho telah menunjukkan bahawa perkaitan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan adalah rendah dimana ($r = -0.116$).

Perkaitan yang wujud adalah berkadar songsang, ia bermaksud seseorang yang menunjukkan pengetahuan yang tinggi mempunyai kesediaan yang rendah untuk menguruskan geran per kapita bagi MPAV.

Walaupun bagaimanapun, perkaitan yang di huraikan tadi adalah tidak signifikan kerana $p > 0.05$ ($p = 0.403$). Bermaksud H_0 tidak boleh ditolak iaitu tidak terdapat perkaitan statistik yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kesediaan dalam menguruskan geran per kapita dalam kalangan tenaga pengajar MPAV.

Perbincangan dapatan kajian

Tahap kebolehan dalam menguruskan Geran Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan guru-guru MPAV

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai purata skor min keseluruhan bagi tahap kebolehan dalam menguruskan geran per kapita mata pelajaran dari segi menguruskan perolehan, pembayaran dan peralatan berada pada tahap yang tinggi iaitu dengan nilai skor min 3.82.

Perbincangan

Berdasarkan daripada dapatan kajian yang diperolehi dalam Bab 4, skor min yang menunjukkan tahap kebolehan guru-guru dalam menguruskan bantuan Geran Per Kapita yang paling tinggi adalah berkaitan kebolehan mengenalpasti permasalahan pada peralatan yang disediakan di dalam makmal. Ini menunjukkan bahawa guru-guru lebih berkebolehan dan mempunyai tahap penglibatan yang tinggi dalam menguruskan segala kelengkapan peralatan dan mengenalpasti segala permasalahan berkaitan peralatan yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan pelajar dengan baik dan efisien. Menurut Hasnah dan Shamsudin (2000), profesion perguruan melibatkan proses pemikiran dan mencabar minda dalam memahami sesuatu persoalan serta dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Ini memerlukan kefahaman, kemahiran dan keilmuan yang tinggi. Dapatan ini disokong dengan kajian yang dijalankan oleh Zulaida Mohamad dan Siti Masliza Mohd Nawi (1997), penggunaan tenaga pengajar dalam negara penting untuk memberi kemahiran-kemahiran yang diperlukan dalam melahirkan tenaga kerja yang diharapkan di mana pendidikan vokasional perlulah diberi pendedahan yang secukupnya kepada alam pekerjaan. Selain itu, ini menunjukkan kebanyakan guru-guru berpengalaman terutamanya dalam menguruskan hal-hal berkaitan dengan peralatan pemesinan. Menurut Musa Mohamad (2000), guru-guru akan diberi latihan berterusan melalui latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan profesionalisme agar menerima ilmu terkini, cekap serta berketrampilan dalam bidang kejuruteraan. Ini diakui oleh Datuk Abdul Rafie Mahat, Ketua Pengarah Pelajaran yang menyatakan guru-guru berpeluang meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme mereka ke tahap yang lebih baik (Syuhada, 2004).

Hasil dapatan analisis menunjukkan kebolehan menguruskan pembelian secara terus berada pada tahap sederhana iaitu dengan nilai skor min 3.44. Ini kerana guru-guru yang menguruskan bantuan kewangan MPAV kurang terlibat dalam urusan pembelian secara terus. Mengikut prosedur pengurusan pembelian dan pembayaran, segala proses pembelian mengikut peraturan biasa dan tidak menggunakan borang khas. Guru-guru yang hendak membeli peralatan, bahan ataupun buku-buku rujukan dan sebagainya perlu berbincang dengan pengetua. Pengetua akan memberikan peruntukkan yang diperlukan kepada guru yang bertanggungjawab membelinya. Jika dalam keadaan yang sangat perlu, guru-guru diberi kebenaran oleh pengetua membeli barangan, peralatan dan sebagainya tanpa berbincang dengan pengetua jika jumlah pembelian itu kurang daripada RM 200.00. Dalam hal ini, ia memerlukan kebijaksanaan budi bicara pengetua dan guru bagi mempertimbangkannya (Shahril Marzuki, 2005)

Dalam prosedur pembelian di sekolah juga, pengetua boleh membeli barangan, peralatan ataupun apa-apa keperluan tanpa membuat persetujuan terlebih dahulu daripada Lembaga Tadbir Sekolah (LTS) jika jumlah belian tersebut di bawah RM5,000.00. Dalam konteks ini, pengetua boleh menggunakan kuasa dan budi bicaranya membeli apa-apa keperluan sekolah tanpa mendapat kebenaran daripada LTS. Dasar dan peraturan yang ada ini memudahkan pengetua membuat keputusan dalam proses pembelian sesuatu keperluan untuk kemudahan pendidikan.

Dalam tatacara pembelian, setiap pembelian perlu dibuat melalui penyenaian barangan yang perlu dibuat dalam buku Pesanan Tempatan bagi setiap pembelian melebihi RM 50.00

(Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Keadaan ini perlu sebagai bukti yang menyokong sekiranya timbul sebarang keraguan dari segi kualiti barang, nama barang, harga dan tempoh khidmat pembekal. Pengetua atau guru besar dapat menolak apabila bekalan tidak memenuhi syarat pesanan.

Daripada dapatan analisis menunjukkan kebolehan dalam menguruskan tatacara penggantian cek hilang berada pada tahap sederhana iaitu skor min 3.46. Ini kerana responden kurang terlibat dalam menguruskan berkaitan tatacara penggantian cek hilang. Boleh di katakan penggantian cek hilang jarang-jarang atau kurang berlaku kerana semua pegawai yang menguruskan mengambil berat tentang hal ini. Semua buku cek yang diterima dan dikeluarkan hendaklah segera direkodkan dalam Daftar Stok Buku Cek.

Semua buku cek yang belum digunakan hendaklah disimpan di dalam peti besi sekolah. Keselamatan buku cek yang sedang digunakan juga hendaklah sentiasa dijaga dan disimpan di dalam peti besi pada hari penutupan urusan harian. Bagi sekolah yang tidak mempunyai peti besi, pengurus sekolah hendaklah memastikan buku cek tersebut disimpan di dalam kabinet besi yang berkunci atau ditempat yang selamat (Tatacara Pengurusan Kewangan Sekolah, 2005).

Kesimpulan

Hasil daripada dapatan analisis, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa tahap kebolehan secara keseluruhan guru-guru dalam menguruskan geran per kapita MPAV berada pada tahap yang tinggi dan memuaskan. Tahap kebolehan guru-guru dalam melibatkan diri dalam kerja-kerja bengkel menunjukkan tahap kebolehan yang sangat tinggi dengan nilai skor min 4.04.

Cadangan

Hasil dapatan yang diperolehi, penyelidik ingin mencadangkan untuk menguji tahap kebolehan guru-guru dalam menguruskan bantuan geran per kapita kaedah analisis data yang paling berkesan adalah dengan cara pemerhatian, dengan cara ini penyelidik boleh melihat bagaimana cara menguruskan berkaitan pengurusan kewangan dilakukan dari segi mengikut pemantuhan dan Arahan Perbendaharaan serta Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Di sini kita dapat lihat samada guru-guru itu benar-benar berkebolehan atau kurang berkebolehan dalam menguruskan berkaitan peruntukkan kewangan yang diberikan oleh kerajaan setiap tahun sebagai contoh menguruskan pembelian, membuat pesanan dan banyak lagi berkaitan tatacara perakaunan sekolah.

Jenis-jenis tahap pengetahuan dalam menguruskan Geran Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan guru-guru MPAV ?

Berdasarkan pada dapatan analisis skor min keseluruhan menunjukkan jenis-jenis tahap pengetahuan dalam menguruskan Geran Per Kapita berada pada tahap tinggi iaitu 4.11. Untuk penerangan yang lebih terperinci akan diterangkan dalam bahagian perbincangan.

Perbincangan

Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, jenis-jenis tahap pengetahuan guru-guru dalam menguruskan tatacara kewangan sekolah berkaitan perolehan, pembayaran dan pelupusan adalah tinggi dengan memperoleh keseluruhan skor min yang berada pada aras lingkungan yang tinggi. Berdasarkan kepada dapatan analisis, kebanyakan guru-guru di Sekolah Menengah Vokasional ini mempunyai ilmu dan latar belakang pengetahuan mengenai tatacara akauntabiliti sekolah kerana item-item yang digunakan di dalam soal selidik menguji tahap kefahaman dan pengetahuan seseorang berkaitan

perkara-perkara yang perlu dipatuhi sepertimana yang telah ditetapkan di dalam Surat Pekeliling berkaitan menguruskan Geran Per Kapita dengan cekap dan efisien bagi mengelakkan pembaziran berlaku dan salah guna kuasa.

Hasil analisis jenis-jenis tahap pengetahuan guru-guru MPAV dalam menguruskan Geran Per Kapita berkaitan perolehan, pembayaran dan pelupusan menunjukkan nilai skor min yang tinggi masing-masing dengan skor min 3.81, 4.28 dan 4.24. Daripada dapatan yang diperolehi, pengetahuan guru dalam menguruskan Geran Per Kapita berkaitan dengan pembayaran menunjukkan nilai skor min yang paling tinggi iaitu 4.28. Dalam menguruskan pembayaran, item mengenai semua bil perlu dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh diterima menunjukkan skor min yang paling tinggi iaitu 4.39. Majoriti guru-guru berpendapat untuk menguruskan peruntukkan kewangan, berkaitan pembayaran sangat penting dan perlu dilakukan dengan teliti bagi mengelakkan berlaku pembaziran dan penyelewengan. Menurut Azizah (2001), tugas guru bukanlah mengajar semata-mata malah pelbagai tugas perlu dilakukan. Pengajaran bukanlah satu perlakuan tunggal, sebenarnya proses pengajaran terdiri daripada suatu gabungan perlakuan (Ee Ah Meng, 1996).

Aspek kewangan adalah tugas penting yang perlu dikendalikan secara sistematik dan berkesan. Pengetua dan Ketua-ketua Panitia bertanggungjawab menentukan aspek kewangan sekolah berjalan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. Oleh yang demikian, pengetahuan dalam ilmu simpan kira adalah perlu bagi membolehkan pengetua dan guru-guru panitia yang terlibat membuat perancangan kewangan yang berkesan (Zaidatul Akmaliah, 2001). Dalam tatacara pembayaran, pembayaran adalah proses menyelesaikan tanggungan sekolah. Pengetua perlu memahami kaedah-kaedah pembayaran dan bertanggungjawab ke atas kesahihan semua perbelanjaan yang dilakukan. Sebelum membuat pembayaran, pengetua perlu memastikan peruntukan bagi setiap kumpulan wang yang mencukupi dan sesuai. Pembayaran perlu dibuat kepada penerima yang sah dan disokong dengan baucar dan dokumen sokongan serta diperakui oleh pengetua. Arahan Perbendaharaan menggariskan bahawa tidak tahu peraturan ataupun arahan tidak boleh dijadikan alasan bagi tidak menjalankan tugas dengan sempurna (Samsudin Osman, 2001).

Belanjawan sekolah adalah salah satu aspek perancangan pendidikan. Ia bermaksud membuat anggaran pendapatan dan perbelanjaan yang penting bagi membiayai perkhidmatan dan kelengkapan yang diperlukan oleh pihak sekolah dalam usaha menyediakan program pendidikan yang berkesan. Ia adalah proses merancang belanjawan bertujuan memastikan pendapatan diperoleh digunakan sewajarnya.

Menurut John Antony Xavier (2001), pengurusan belanjawan menentukan sistem perancangan hasil dan perbelanjaan pada masa hadapan. Pengurusan belanjawan penting bagi tujuan menentukan pengagihan sumber-sumber kewangan mengikut keutamaan dasar semasa. Program dan aktiviti yang sudah ditentukan bagi melaksanakan sesuatu dasar dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan dengan adanya belanjawan yang baik.

Kesimpulan

Daripada hasil dapatan, penyelidik dapat membuat kesimpulan bahawa guru-guru mempunyai pengetahuan yang paling tinggi berkaitan dengan pembayaran berbanding dengan perolehan dan pelupusan dalam menguruskan Geran Per Kapita

mata pelajaran aliran vokasional. Menurut Shea, (1998), pengetahuan tidak dapat dipisahkan daripada ciri-ciri bijak pertimbangan yang cekap. Gabungan ciri-ciri pengetahuan dapat mengendalikan organisasi dengan berjaya dan mempunyai daya saing yang tinggi. Manakala, pekerja berpengetahuan juga diistilahkan sebagai pekerja yang dapat berfikir dan bekerja dengan idea-idea yang baru dan dapat membuat keputusan dengan cepat dan tepat.

Cadangan

Daripada hasil dapatan yang diperolehi, penyelidik mencadangkan untuk kajian yang akan datang bagi menentukan samada guru-guru mempunyai pengetahuan atau tidak dalam menguruskan berkaitan peruntukkan kewangan, pembinaan item soalan yang paling berkesan adalah penyelidik perlu menyediakan senarai semak atau *checklist* berkaitan pengurusan perolehan, pembayaran dan pelupusan kerajaan sebagai instrumen kajian. Di sini kita dapat menentukan samada guru-guru benar-benar mempunyai pengetahuan dalam menguruskan bantuan yang diperuntukkan oleh kerajaan kerana perkara yang akan dikemukakan lebih terperinci berdasarkan tatacara proses pada peringkat awal sehingga selesai berkaitan pengurusan perolehan, pembayaran dan pelupusan.

Hubungan antara pengetahuan dan kebolehan dalam menguruskan Geran Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan guru-guru MPAV.

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan hubungan antara pengetahuan dengan tahap kebolehan dalam kalangan guru-guru yang menguruskan Geran Per Kapita dalam kalangan guru-guru MPAV. Hasil analisis yang diperolehi menunjukkan bahawa nilai yang diperolehi adalah ($r = -0.11$) yang bermaksud perkaitan antara pengetahuan dengan kebolehan adalah rendah dan berkadar songsang dalam menguruskan Geran Per Kapita MPAV.

Perbincangan

Di dalam bahagian ini, perbincangan bertumpu kepada hubungan antara pengetahuan dengan kebolehan dalam menguruskan Geran Per Kapita MPAV di SMV di seluruh Negeri Kelantan, dimana untuk mendapatkan hasil kajian analisis dengan menggunakan Korelasi Spearman Rho's digunakan bagi menyokong dapatan daripada analisis deskriptif melalui hipotesis yang dibina:

H_0 : Tidak terdapat hubungan statistik yang signifikan bagi tahap pengetahuan dan tahap kebolehan menguruskan Geran Per Kapita MPAV dalam kalangan guru-guru MPAV di SMV di Negeri Kelantan.

Pengkaji membuat analisis korelasi bagi melihat hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap kebolehan menguruskan Geran Per Kapita, hasil analisis menunjukkan bahawa hubungan yang wujud berada pada aras dimana dimana ($r = -0.11$). Dalam hal ini, penyelidik mendapati terdapat faktor-faktor lain yang menyebabkan perkaitan yang wujud adalah rendah antara pengetahuan dengan tahap kebolehan dalam menguruskan Geran Per Kapita MPAV dalam kalangan guru-guru.

Dalam menguruskan kewangan, terdapat peraturan dan arahan-arahan yang perlu dipatuhi bagi memastikan pengurusan berjalan dengan lancar dan tanpa penyelewengan. Dalam menguruskan kewangan terdapat akta yang boleh dikenakan tindakan tatatertib akibat salah laku yang serius dalam pengurusan. Dalam peranan 51 Akta Acara Kewangan 1957. Selain itu, tiap-tiap penganan surcaj di bawah sub peraturan (1) hendaklah direkodkan dalam Buku Perkhidmatan Kerajaan Pegawai itu. Manakala dalam Peraturan 38 (Hukuman

Tatatertib) pula menyatakan bahawa Pihak Berkuasa Tatatertib yang berkenaan boleh, jika ia mendapati seseorang pegawai bersalah kerana melanggar mana-mana peruntukan mana-mana satu daripada hukuman atau apa-apa gabungan hukuman atau lebih. Hukuman-hukuman yang dimaksudkan adalah merupakan tindakan amaran, denda, lucut hak emolومن, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat atau buang kerja. Seksyen 131 Akta Pendidikan 1996 jelas sekali menyebutkan penalti kerana kesalahan melanggar peraturan-peraturan di bawah akta ini memungkinkan hukuman-hukuman denda yang tidak lebih RM 10,000.00, penjara tidak lebih dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali (Shahril, 2006).

Tinjauan daripada kajian yang pernah dijalankan menunjukkan pengurusan kewangan yang kurang mahir adalah salah satu faktor di mana hubungan dua pembolehubah tiada perkaitan. Masalah ini berlaku terutamanya dalam kalangan pengetua dan guru-guru yang baru dilantik. Namun begitu terdapat juga pengetua dan guru-guru yang lama tetapi masih belum mempunyai kebolehan dalam pengurusan kewangan bantuan Geran Per Kapita. Akibatnya terdapat masalah seperti rekod urusan kewangan yang tidak lengkap dan perbelanjaan dilakukan tanpa mengambil kira baki peruntukkan (Abdul Rahim Affandi, 2003).

Kesimpulan

Hasil dapatan menunjukkan bahawa perkaitan yang wujud antara tahap pengetahuan dengan tahap kebolehan guru-guru berada pada tahap lemah dimana ($r = -0.11$). Daripada dapatan analisis menunjukkan perkaitan yang wujud adalah berkadar songsang yang bermaksud seseorang yang menunjukkan pengetahuan yang tinggi mempunyai kebolehan yang rendah untuk mengendalikan Geran Per Kapita bagi MPAV. Keadaan ini berlaku disebabkan terdapat faktor antaranya mereka tidak mahu mengambil risiko dan tidak bersedia dalam mengendalikan Geran Per Kapita MPAV. Walaupun tugas ini adalah peranan kedua selepas pengajaran, namun ia memerlukan perhatian dan pertimbangan pihak pentadbiran supaya program pendidikan berjalan dengan lancar dan berkesan. Bagi memastikan tanggungjawab dilaksanakan dengan baik dan mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan, pengetua dan tenaga pengajar yang mengurus berkaitan kewangan perlu mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Buku Panduan Kewangan Sekolah, Arahan Perbendaharaan dan surat-surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Teknikal dari masa ke semasa.

Walaupun bagaimanapun, perkaitan yang diuraikan tadi adalah tidak signifikan kerana nilai $p > 0.05$, ini bermaksud H_0 tidak boleh ditolak iaitu tidak terdapat perkaitan statistik yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kebolehan dalam menguruskan Geran Per Kapita MPAV.

Cadangan

Daripada kajian yang dijalankan, pengkaji mencadangkan untuk mendapatkan aras hubungan signifikan yang sangat kuat, pengkaji yang akan datang boleh membuat kajian dalam skop yang lebih meluas berkaitan isu-isu dalam menguruskan Geran Per Kapita. Di harap kajian yang akan datang berkaitan menguruskan kewangan dikaji dengan begitu serius dan memandang berat isu yang dikaji. Kajian berkaitan pengurusan kewangan agak kurang dilakukan walaupun pada hakikatnya kajian sebegini penting dalam mengenalpasti sebarang permasalahan yang dihadapi oleh pentadbir sekolah dan guru-guru yang terlibat berkaitan pengurusan kewangan.

Maklumbalas mengenai tatacara menambahbaik tahap kesediaan dalam menguruskan Bantuan Per Kapita mata pelajaran dalam kalangan tenaga pengajar Mata Pelajaran Aliran Vokasional di Sekolah Menengah Vokasional di Negeri Kelantan.

Daripada maklumbalas yang diperolehi, majoriti responden memberi pendapat dan cadangan untuk penambahbaikan tahap kesediaan dalam menguruskan bantuan per kapita mata pelajaran bagi MPAV adalah dengan memberi kursus dan latihan dalam perakaunan dan pengurusan kewangan sekolah. Masalah pengurusan kewangan yang kurang mahir boleh diselesaikan dengan mewajibkan pengetua, ketua-ketua panitia dan pegawai kerani menghadiri kursus pengurusan kewangan sekolah sebagai contoh yang dikendalikan oleh Pihak Institut Aminuddin Baki (IAB), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) ataupun Kementerian Pelajaran Malaysia (terutamanya yang baru dilantik). Kursus perakaunan kewangan sekolah perlu diadakan dari masa ke semasa bagi membolehkan pengetua, ketua-ketua panitia dan pegawai kerani mengukuhkan pengetahuan dan kemahiran dalam pengurusan kewangan sekolah (Shahril Marzuki, 2006).

Pengurusan kewangan sekolah di Malaysia berkait rapat dengan sistem lantikan pengetua dan guru besar. Sistem lantikan pengetua di Malaysia berdasarkan jawatan kanan dalam perkhidmatan dan pengalaman sebagai guru. Oleh itu pengetua yang baru dilantik mengurus sekolah berdasarkan 'cubajaya'. Ini disebabkan selepas beberapa bulan, malah selepas beberapa tahun baru mereka ini diberikan kursus pengurusan kewangan sekolah sedangkan pengurusan kewangan sekolah adalah salah satu aspek pengurusan yang penting dan perlu diberi perhatian yang serius.

Ini kerana apabila tersalah urus ataupun apabila berlaku penyelewengan pengetua atau guru-guru yang diberi tanggungjawab menguruskan berkaitan kewangan dapat diambil tindakan disiplin, *surchage*, turun pangkat ataupun dibuang kerja. Dalam pada itu, kepimpinan, kemahiran, sikap dan tanggungjawab pengetua pada pengurusan kewangan sekolah perlu di ambil perhatian oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sebagai pegawai kerajaan, pengetua atau guru-guru yang bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan aspek pengurusan kewangan sekolah dijalankan mengikut prosedur dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan melalui surat-surat Pekeliling Kewangan dan Perakaunan Sekolah, Arahan Perbendaharaan dan Akta Pendidikan 1996 (Mokhtar Ibrahim, 2003). Bagaimanapun, pihak sekolah khususnya pengetua sering kali dibebani dengan pelbagai masalah dalam pengurusan kewangan sekolah.

Menurut Shahril Marzuki (2006) dan Zaidatol Akmaliah (1991) sistem lantikan ke jawatan pengetua tidak berdasarkan latihan dan kepakaran dalam pengurusan. Mereka dilantik tetapi tidak diberikan kursus seta merta. Oleh itu pengetua mengurus sekolah berdasarkan konsep 'cubajaya'. Dalam keadaan sedemikian, pengetua banyak bergantung pada kerani kewangan di sekolah.

Lantikan pengetua di Malaysia tidak berdasarkan latihan dan pengalaman sebagai pentadbir sekolah. Dengan itu Kementerian Pelajaran Malaysia dicadangkan supaya melantik pengetua yang sudah mempunyai latihan melalui program NPQH ataupun dari kalangan mereka yang mempunyai Sarjana Kepengetahuan. Bakal-bakal pengetua yang mempunyai pengetahuan dan ilmu dalam pengurusan kewangan sekolah selain mereka pernah menjadi guru penolong kanan di sekolah

rendah atau menengah (Shahril, 2005). Walaubagaimanapun, usaha IAB dan Universiti Malaya yang masing-masing mengadakan program NPQH dan Sarjana Keperolehan perlu dipuji kerana ia adalah satu langkah bagi memastikan bakal pengetua memiliki kemahiran dan pengetahuan dalam menguruskan kewangan sekolah.

Kesimpulannya, pengurusan kewangan adalah salah satu aspek yang penting dalam pengurusan sekolah-sekolah di negara kita kerana pengurusan kewangan yang tidak cekap dapat menimbulkan banyak masalah. Selain dari mengganggu pengurusan sekolah ia turut menjejaskan pelaksanaan *core business* sekolah iaitu pengajaran dan pembelajaran. Oleh yang demikian, pengurus sekolah perlu mengambil tindakan yang tegas bagi memastikan supaya pengurusan kewangan sekolah cekap dan berkesan supaya penyelewengan tidak berlaku.

Kesimpulan

Kajian ini dapat dijalankan dengan baik kerana pihak-pihak yang terlibat memberikan kerjasama yang diharapkan daripada pihak sekolah yang menjawab instrumen kajian ini. Tenaga pengajar yang telah dipertanggungjawabkan untuk menjawab instrumen ini dianggap telah menjawab dengan jujur kerana faktor persekitaran yang tidak mendesak tenaga pengajar dan membolehkan tenaga pengajar menjawab instrumen ini dengan berhati-hati. Oleh yang demikian, hasil kajian dan cadangan yang dikemukakan ini diharapkan dapat memberi input yang berguna kepada pihak-pihak berkenaan sebagai panduan dan penambahbaikan. Dalam kajian ini, kompetensi yang diukur adalah dari aspek pengetahuan dan kesediaan. Kompetensi ini penting kepada seseorang tenaga pengajar dalam menguruskan peruntukan kewangan yang diberikan oleh kerajaan. Digunakan sebaik mungkin dan mengikut segala prosedur yang telah ditetapkan.

Pengurusan kewangan adalah salah satu aspek yang penting dalam pengurusan sekolah-sekolah di negara kita kerana pengurusan yang tidak cekap boleh menimbulkan banyak masalah. Selain daripada mengganggu pengurusan sekolah ia turut menjejaskan pelaksanaan *core business* sekolah iaitu pengajaran dan pembelajaran. Tanggungjawab pengetua, guru-guru kanan bidang dan panitia di sekolah dalam melaksanakan dan mengendalikan kewangan mengikut peraturan dengan baik, cekap dan bertanggungjawab adalah penting bagi mengelak sebarang bentuk pembaziran dan penyalahgunaan wang. Hasil kajian juga mendapati kebanyakan tenaga pengajar di sekolah ini mengikuti kursus dalam pengurusan kewangan sekolah. Namun begitu bagi memastikan tenaga pengajar ini mahir dan cekap dalam pengurusan kewangan sekolah, mereka perlu didedahkan dengan kursus-kursus sepanjang masa. Dari segi pemberian peruntukkan kerajaan ini, ia tidak menghadapi kekurangan. Walaubagaimanapun bagi pemberian peruntukkan kerajaan bagi bukan mata pelajaran ia perlu ditambah mengikut keperluan sekolah.

Rujukan

- Abdul Rahman Daud (2002). *Memertabatkan Profesion Perguruan. Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rahim Abdul Rashid (1992). *Panduan Latihan Mengajar*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdul Rahim Abd Rashid (2005). *Profesionalisme Keguruan Prospek dan Cabaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abd.Rashid, A.R (2002). *Dasar inovasi pendidikan dalam konteks agenda Wawasan 2020*. Universiti Malaya.
- Ahmad Tajuddin (2005). *Panduan Ringkas Pembangunan Kurikulum Teknikal dan Vokasional*. Kuala Lumpur : Jabatan Pendidikan Teknikal.
- Bahagian Kewangan Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). *Tatacara Pengurusan Kewangan Dan Perakaunan Kumpulan Wang Sekolah*. Putrajaya: Bahagian Kewangan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (2008). *Memperkasakan Sekolah Kebangsaan: Isu dan cabaran*. Kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Nasional Pipp Kedua di Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands pada 24-27 Nov.2008.
- Curtis R. Finch, John R. Crunkilton (1999). *Curriculum development in vocational and technical education: planning, content, and implementation*. London
- Jabatan Pendidikan Teknikal, KPM (2005). *Koleksi Kertas Kerja: Bahagian Latihan dan Kemajuan Staf*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Teknikal, KPM (2010). *Koleksi Kertas Kerja: Bahagian Latihan dan Kemajuan Staf*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Teknikal, KPM (2005). *Brief Info 2006*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Teknikal, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Noor Laila Asha'ari (2006). *Ketrampilan Sosial di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia di Negeri Melaka*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Omardin Ashaari (1999). *Pengurusan Sekolah*. Kuala Lumpur : Utusan Publication and Distributors Sdn.Bhd.
- Rashidi Azian (1998). *Pendidikan Guru: Cabaran Falsafah dan Strategi Dalam Pembentukan Guru Yang Unggul*. Kuala Lumpur: Cumall Industries Sdn Bhd
- Shahril, Marzuki. (2008). *Dasar Kewangan Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Shahril Marzuki (2005). *Dasar Kewangan Dalam Konteks Pelaksanaan Pendidikan Negara*, Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pengurusan Organisasi Pendidikan.
- Zamri Mahamod, Norasmah Othman dan Mohammed Sani Ibrahim (2007). *Profesionalisme Guru Novis*. Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Jadual 1 : Skor Min dan Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Perolehan

No.Soalan	Item	Skor Min	Tahap
1	Perancangan perolehan yang baik ialah dengan mengambilkira jumlah peruntukan yang diberikan oleh pihak sekolah.	4.48	Tinggi
2	Semua pembelian dibuat dengan menggunakan borang pesanan sekolah.	4	Tinggi
3	Pembelian boleh dibuat dengan mengeluarkan pesanan sekolah terus kepada pembekal yang terpilih.	4.41	Tinggi
4	Borang pesanan sekolah hendaklah dikeluarkan dalam tiga salinan sahaja.	3.48	Tinggi
5	Pembelian secara lantikan terus boleh dilakukan bagi jenis barangan yang bernilai sehingga RM 30,000.00.	3.02	Sederhana
6	Had bagi setiap barangan RM 20,000.00 hingga RM 100,00.00 cara pembelian boleh dilakukan secara undian.	3.09	Sederhana
7	Had bagi setiap jenis barangan RM 20,000.00 hingga RM 200,000.00 pembelian boleh dibuat secara sebut harga.	2.96	Sederhana
8	Had nilai perolehan sehingga RM10,000.00 setahun bagi setiap item cara perolehan adalah melalui pembelian terus.	4.19	Tinggi
9	Had nilai perolehan sehingga RM10,000.00 hingga RM 50,000.00 setahun setiap item cara perolehan adalah melalui sebut harga.	3.87	Tinggi
10	Had nilai perolehan sehingga RM50,000.00 hingga RM 100,000.00 setahun setiap item cara perolehan adalah melalui sebut harga.	4.48	Tinggi
11	Had nilai perolehan sehingga RM100,000.00 hingga RM200,000.00 setahun setiap item cara perolehan adalah melalui tender terbuka.	3.93	Tinggi
	Purata Skor Min Perolehan	3.81	Tinggi

Jadual 2 : Skor Min dan Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Pembayaran

No Soalan	Item	Skor Min	Tahap Pengetahuan
12	Baucar bayaran merupakan kuasa untuk membolehkan sesuatu pembayaran dibuat.	4.37	Tinggi
13	Baucar bayaran bernilai kurang daripada RM 100,000.00 diperakukan oleh seorang pegawai yang diberi kuasa	4.35	Tinggi
14	Baucar bayaran yang bernilai RM 10,000.00 dan ke atas hendaklah diperakukan oleh tiga orang pegawai yang diberi kuasa.	3.94	Tinggi
15	Setiap baucar bayaran yang telah diluluskan hendaklah direkodkan dalam buku tunai.	4.37	Tinggi
16	Semua bil dijelaskan dalam tempoh 14 hari daripada bil diterima.	4.39	Tinggi
	Purata Skor Min Pembayaran	4.28	Tinggi

Jadual 3 : Skor Min dan Tahap Pengetahuan Responden Berkaitan Pelupusan

No Soalan	Item	Skor Min	Tahap Pengetahuan
17	Pelupusan satu proses di mana sesuatu aset/barang sekolah ada dalam simpanan tetapi tidak boleh gunakan.	4.37	Tinggi
18	Nilai perolehan asal bagi barang yang tidak melebihi RM 20,000.00 seunit/ RM 300,000.00 secara agregat menggunakan borang permohonan Pelupusan Tanpa Lembaga Pemeriksa. Lembaga Pemeriksa	3.81	Tinggi
19	Nilai perolehan asal bagi barang yang melebihi RM 50,000.00 seunit/ RM 500,000.00 secara agregat mesti diperakukan kepada Laporan Lembaga Pemeriksa.	3.96	Tinggi
20	Tempoh menyimpan baucar bayaran dan dokumen pelupusan adalah 5 tahun	4.39	Tinggi
Purata Skor Min Pelupusan		4.13	Tinggi

Jadual 4 : Purata Skor Min dan Tahap Pengetahuan Bagi Keseluruhan Item

Item	Skor Min	Tahap Pengetahuan
Perolehan	3.81	Tinggi
Pembayaran	4.28	Tinggi
Pelupusan	4.13	Tinggi
Purata Skor Min Pengetahuan	4.11	Tinggi

Jadual 5 : Skor Min dan Tahap Kesediaan Responden Berkaitan Perolehan

Bil.	Item	Skor Min	Tahap Kesiediaan
1	Saya boleh menyediakan Tatacara Perolehan Inventori dengan mengikut prosedur yang betul.	4.17	Tinggi
2	Saya boleh menguruskan pembelian secara terus	3.44	Sederhana
3	Saya boleh menguruskan perolehan bekalan/ perkhidmatan yang dibuat secara sebut harga	3.61	Tinggi
4	Saya boleh menguruskan tender terbuka mengikut had nilai perolehan	3.70	Tinggi
5	Saya boleh menguruskan cara pembelian secara lantikan terus bagi perolehan kerja-kerja kecil	3.72	Tinggi
Purata Skor Min Perolehan		3.73	Tinggi

Jadual 6 : Skor Min dan Tahap Kesiediaan Responden Berkaitan Pembayaran

Bil.	Item	Skor Min	Tahap Kesiediaan
1	Saya boleh menyediakan tatacara baucar pembayaran mengikut prosedur yang ditetapkan.	3.93	Tinggi
2	Saya boleh menyediakan tatacara penggantian cek hilang.	3.46	Sederhana
Purata Skor Min Pembayaran		3.69	Tinggi

Jadual 7 : Skor Min dan Tahap Kesiediaan Responden Berkaitan Setor Sekolah

Bil.	Item	Skor Min	Tahap Kesiediaan
1	Saya boleh menyediakan laporan bertulis jika terdapat kehilangan atau kerosakan kemudahan, peralatan dan bahan di makmal	4.00	Tinggi
2	Saya boleh membuat perancangan kerja amali di makmal mengikut silibus mata pelajaran yang di ajar	4.29	Tinggi
3	Saya boleh memberikan nombor siri pada setiap kemudahan, peralatan dan bahan yang ditempatkan di dalam makmal	3.94	Tinggi
4	Saya boleh mengaplikasikan ciri-ciri keselamatan semasa pengendalian peralatan yang digunakan.	4.00	Tinggi
5	Saya boleh melaksanakan aktiviti dalam makmal secara manual	4.07	Tinggi
6	Saya boleh mengenalpasti permasalahan pada peralatan yang disediakan	4.37	Tinggi
7	Saya boleh menentukan kaedah penyelesaian masalah sekiranya berlaku kerosakan pada peralatan yang digunakan di dalam makmal	3.94	Tinggi
8	Saya boleh dalam membaiki peralatan dan mesin berdasarkan secara manual	3.76	Tinggi
Purata Skor Min Setor Sekolah		4.04	Tinggi

Jadual 8 : Purata Skor Min dan Tahap Kesiediaan Bagi Keseluruhan Item

Item	Skor Min	Tahap Kesiediaan
Perolehan	3.73	Tinggi
Pembayaran	3.69	Tinggi
Setor Sekolah	4.04	Tinggi
Purata Skor Min Kesiediaan	3.82	Tinggi

Jadual 9 : Hubungan di antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Kesiediaan Tenaga Pengajar Dalam Menguruskan Geran Per Kapita MPAV.

		Tahap Kesiediaan
Tahap Pengetahuan	Korelasi Spearman	-0.116
	Sig (2-tailed)	0.403
	N	54